

BOP 2024

Balance of Payments

Suku Tahun Kedua | *Second Quarter*

NOTA TEKNIKAL | TECHNICAL NOTES

A. PENGENALAN

Statistik Imbangan Pembayaran Malaysia mengukur transaksi ekonomi antarabangsa antara Malaysia dan negara-negara lain di dunia dari segi magnitud dan jenis transaksi dalam akaun semasa, akaun modal dan akaun kewangan. Penyusunan ini selaras dengan metodologi yang ditetapkan dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

B. KONSEP DAN LIPUTAN

1. Residen

Residen ialah:

- orang yang tinggal atau menetap di Malaysia bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun; dan
- syarikat atau institusi yang berada/beroperasi di Malaysia di mana kepentingan ekonominya berpusat di Malaysia.

Satu unit institusi dikatakan mempunyai pusat kepentingan di wilayah ekonomi di sebuah negara apabila wujudnya lokasi seperti bangunan, tempat pengeluaran atau premis lain di mana atau dari mana unit tersebut mengusahakan atau bercadang untuk terus mengusahakan, sama ada untuk tempoh selama-lamanya atau tempoh yang panjang, di dalam aktiviti ekonomi dan dengan skala urusniaga yang signifikan.

Bukan residen merujuk kepada individu, syarikat atau institusi yang tinggal, atau berada/beroperasi di negara luar Malaysia.

Status residen perwakilan kerajaan asing, organisasi antarabangsa, pelajar asing dan pesakit asing, adalah seperti berikut:

- perwakilan kerajaan asing (kedutaan, konsulat, pangkalan ketenteraan, kerajaan asing) di Malaysia dianggap sebagai pihak luar-wilayah dan dengan itu dianggap sebagai bukan-residen;
- perwakilan kerajaan Malaysia di luar negeri dianggap sebagai residen Malaysia;
- organisasi antarabangsa tidak dianggap sebagai residen bagi mana-mana ekonomi/negara; dan
- pelajar asing dan pesakit asing dianggap sebagai residen negara asal mereka.

2. Sistem Catatan Beregu

Sistem ini berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima di peringkat antarabangsa bagi merekodkan dua kemasukan yang sama bagi setiap urusniaga. Kemasukan kredit untuk merekodkan eksport barangan dan perkhidmatan, pendapatan diterima dan urusniaga kewangan yang melibatkan pengurangan dalam aset kewangan atau meningkatkan liabiliti. Sebaliknya, kemasukan debit adalah digunakan untuk merekodkan import barangan dan perkhidmatan, pendapatan yang akan dibayar dan urusniaga kewangan yang melibatkan peningkatan dalam aset atau pengurangan dalam liabiliti.

3. Konsep Pemilikan

Konsep pertukaran pemilikan ekonomi di antara residen dan bukan residen digunakan dalam pengiktirafan transaksi BOP terutamanya bagi akaun barangan dan aset kewangan. Perubahan pemilikan dari sudut ekonomi bermaksud semua risiko, ganjaran, hak dan tanggungjawab pemilikan dipindahkan.

4. Akaun Semasa

Ia mengukur peruntukan bersih sumber sebenar iaitu barangan, perkhidmatan, pendapatan primer dan sekunder kepada atau daripada seluruh dunia. Lebihan dalam akaun berlaku apabila pendapatan melebihi perbelanjaan, manakala defisit berlaku jika ia sebaliknya. Defisit dalam akaun semasa mungkin dibiayai oleh aliran masuk pelaburan asing atau pinjaman luar negara atau penggunaan dalam aset rizab.

i. Barangan

Transaksi barangan meliputi import dan eksport di mana pertukaran hak milik ekonomi di antara residen dan bukan-residen. Ia terdiri daripada barang dagangan am mengikut asas BOP, eksport bersih barangan di bawah *merchanted* dan emas bukan monetari.

Barangan dinilai berdasarkan harga pasaran. Secara amnya, nilai pasaran yang dilaporkan oleh pengeksport dan pengimport (untuk perangkaan perdagangan barangan) adalah diukur seperti berikut:

- Eksport f.o.b. merujuk kepada nilai barangan di pasaran di sempadan kastam, termasuk semua kos pengangkutan barangan ke sempadan kastam, eksport dan duti lain yang perlu dibayar, dan juga kos pemunggahan ke atas kenderaan pengangkutan.
- Import c.i.f. merujuk kepada nilai barangan di pasaran di sempadan kastam, termasuk semua caj pengangkutan dan insurans ketika dalam perjalanan tidak termasuk kos pemunggahan daripada kapal, pesawat udara atau kenderaan.
- Bagi penyusunan BOP, kedua-dua eksport dan import dinilai pada f.o.b.

Nilai barangan yang diperoleh daripada pengisytiharan kastam (perangkaan perdagangan barangan) diselaraskan untuk liputan merangkumi urusan pesawat udara dan kapal komersial yang dihantar ke luar Malaysia dan eksport/import air ke/dari Singapura.

Sementara itu, item-item yang dikecualikan daripada barangan am disebabkan tiada pertukaran hak milik adalah:

- barangan untuk prosesan pemasangan, pembungkusan atau pelabelan (GFP);
- barangan eksport/import untuk penyimpanan sementara;
- barangan untuk pembaikan; dan
- barangan yang dikembalikan.

Merchanting ditakrifkan sebagai pembelian barangan oleh residen daripada bukan-residen dan menjual semula kepada bukan-residen lain tanpa barangan tersebut perlu memasuki Malaysia. Perbezaan antara nilai pembelian dan jualan semula barangan direkodkan sebagai eksport bersih barangan di bawah *merchanting*.

ii. Perkhidmatan

Perkhidmatan adalah hasil daripada aktiviti pengeluaran yang melibatkan perubahan keadaan unit pengeluaran, atau memenuhi pertukaran produk atau aset kewangan. Perkhidmatan bukan secara umum dipisahkan kepada item dimana hak milik boleh diwujudkan dan tidak boleh secara umum dipisahkan daripada pengeluaran mereka.

a. Perkhidmatan Pembuatan Bagi Input Fizikal Dimiliki Pihak Lain

Pengiktirafan terhadap perkhidmatan ini adalah selari dengan *treatment* pengecualian barangan untuk prosesan (tanpa pertukaran hak milik) daripada akaun barangan. Ia meliputi caj fi oleh pemproses kepada pemilik barangan bagi aktiviti pembuatan (cth: pemprosesan, pengumpulan, pembungkusan atau pelabelan).

b. Perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan t.t.t.l.

Termasuk penyenggaraan dan kerja pembaikan oleh residen ke atas barangan yang dimiliki oleh bukan residen (dan sebaliknya). Kerja pembaikan mungkin dilakukan di tempat pembaikan atau di tempat lain. Ia termasuk penyenggaraan dan pembaikan bagi kapal, pesawat dan kelengkapan pengangkutan lain.

Tidak termasuk:

- Pembersihan peralatan pengangkutan (termasuk dalam perkhidmatan pengangkutan);
- Pembaikan pembinaan dan penyenggaraan (termasuk dalam pembinaan); dan
- Penyenggaraan dan pembaikan komputer (termasuk dalam perkhidmatan komputer).

c. Pengangkutan

Pengangkutan meliputi semua jenis pengangkutan iaitu laut, udara, dan lain-lain (termasuk darat, jalan air dan saluran paip) serta perkhidmatan pos dan kurier. Ia melibatkan pengangkutan penumpang, tambang (pergerakan barangan) dan aktiviti perkhidmatan sokongan dan tambahan. Aktiviti perkhidmatan sokongan dan tambahan tidak termasuk sewaan (*charter*) pengangkut tanpa anak kapal dimasukkan dalam perkhidmatan perniagaan lain.

(I) Perkhidmatan Pengangkutan Penumpang

- a). Perkhidmatan ini merujuk kepada pengangkutan penumpang di peringkat antarabangsa. Perkhidmatan lain yang membabitkan perbelanjaan penumpang yang menaiki kapal/pesawat udara, bayaran kerana lebihan bagasi dan barangan persendirian yang dibawa bersama juga diambil kira.

- b). Untuk mengelakkan kesulitan dalam menentukan taraf residen penumpang, satu ketetapan telah dibuat dimana tiket penumpang yang dijual di Malaysia disifatkan sebagai dijual kepada residen. Sebaliknya, tiket penumpang yang dijual di negara asing disifatkan sebagai dijual kepada bukan residen.

(II) Perkhidmatan Tambang Muatan

- a). Item ini meliputi pengangkutan dan perkhidmatan pengagihan yang dilakukan oleh:
- residen ke atas barangan dan kebanyakan barangan alih lain yang diperolehi atau dimiliki oleh bukan residen (eksport bagi Malaysia); dan
 - bukan-residen ke atas barangan dan kebanyakan barangan alih lain yang diperolehi atau dimiliki oleh residen (import bagi Malaysia).
- b). Penghantaran barangan biasanya ditetapkan bermula di sempadan kastam negara pengeksport. Ini dibuat sebagai asas dalam pengiraan penghantaran barangan dan supaya ianya konsisten dengan penilaian f.o.b. bagi komponen barangan. Prosedur penyusunan adalah seperti berikut:
- dikira sebagai eksport semua perkhidmatan yang dibekalkan oleh residen Malaysia/negara lain ke atas eksport, sebaik sahaja barangan eksport tersebut dimuatkan ke kapal/pesawat udara di sempadan Malaysia/negara lain dari tempat dimana barangan di eksport; dan
 - dikira sebagai import semua perkhidmatan yang dibekalkan oleh residen asing ke atas import Malaysia, sebaik sahaja barangan tersebut dimuatkan ke kapal/pesawat udara di sempadan kastam negara pengeksport.
- c). Bayaran tambang muatan kepada syarikat perkapalan dan penerbangan bukan-residen atas perkhidmatan yang diterima berkaitan barangan import Malaysia. Pendapatan tambang muatan yang diterima oleh syarikat residen kerana perkhidmatan pengangkutan barangan import Malaysia tidak diambil kira berdasarkan andaian semua perbelanjaan tambang muatan bagi import adalah ditanggung oleh residen.

(III) Perkhidmatan Pengangkutan Lain

- a). Merujuk kepada perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang yang berkaitan dengan perolehan perkhidmatan oleh syarikat perkapalan/penerbangan untuk aktiviti pengendalian kargo, bayaran lapangan terbang/pelabuhan, pemanduan dan penundaan. Perkhidmatan penyimpanan dan pergudangan juga dikelaskan pada item ini.
- b). Perkhidmatan lain yang berkaitan dijalankan oleh *shippers/carriers* dan peralatan yang setara seperti bot tunda, kapal tunda dan operasi menyelamat juga membentuk sebahagian daripada komponen ini.

(IV) Perkhidmatan Pos dan Kurier

Perkhidmatan pos dan kurier meliputi pengambilan, pengangkutan dan penghantaran bungkusan, pakej, dan dokumen bercetak lain. Ia tidak termasuk bayaran kepada entiti perkhidmatan pos, seperti portal giro, perkhidmatan akaun simpanan dan perbankan, dan caj penyimpanan barangan.

d. Perjalanan

Item ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan seperti penginapan, makanan, hiburan, pengangkutan domestik, hadiah dan cenderamata yang diperoleh oleh pelawat asing ketika berada di Malaysia, dan yang diperoleh oleh pelawat Malaysia ketika berada di negara asing. Perbelanjaan oleh anak kapal juga diambilkira. Pengangkutan antarabangsa pelawat direkodkan di bawah perkhidmatan pengangkutan.

Kedua-dua jenis pelawat iaitu pelancong dan pelawat harian adalah termasuk dalam penyusunan ini. Definisi pelancong dan pelawat harian seperti berikut:

- **Pelancong**

“Warga asing yang melancong bagi sebarang tujuan dan bukan untuk bekerja, dan tinggal sekurang-kurangnya satu malam tetapi tidak melebihi satu tahun, di mana negara residen mereka adalah berbeza dengan negara yang dilawati”; dan

- **Pelawat Harian**

“Warga asing yang melawat bagi sebarang tujuan dan bukan untuk bekerja, dan tinggal kurang daripada 24 jam dan tidak bermalam”.

Pelancong dikelaskan di bawah perjalanan perniagaan dan perjalanan persendirian. Perjalanan perniagaan meliputi pelancong yang ke luar Negeri untuk semua jenis aktiviti perniagaan: anak kapal; pegawai kerajaan dalam perjalanan rasmi. Perjalanan persendirian meliputi pelancong yang ke luar negeri bagi tujuan selain daripada perniagaan seperti lawatan, bercuti, menyertai aktiviti rekreasi dan kebudayaan atau mengerjakan Haji atau Umrah/ziarah.

Komponen Perjalanan juga termasuk perbelanjaan pelajar Malaysia di luar negeri dan perbelanjaan pelajar asing di Malaysia. Pelajar kekal sebagai residen di negara asal tanpa mengambilkira tempoh tinggal di negara lain.

Perbelanjaan kesihatan/perubatan bagi kredit dan debit juga diambilkira sebagai perjalanan. Perbelanjaan yang ditanggung oleh pesakit bukan residen di Malaysia (kredit) atau residen Malaysia yang mendapatkan rawatan perubatan di luar negara (debit) juga termasuk dalam kategori ini.

e. Pembinaan

Perkhidmatan pembinaan merangkumi kerja baru dan pembaikan. Pembinaan ialah asas kasar penggunaan semua barangan dan perkhidmatan yang digunakan sebagai input kerja dan juga kos pengeluaran lain. Ini termasuklah kerja-kerja penyediaan tapak, kerja-kerja membina dan menyiapkan bangunan (mengecat, memasang paip, meroboh, dll.), kerja-kerja pembinaan untuk kejuruteraan awam, kerja-kerja pemasangan dan pemasangan jentera dan pembinaan lain (seperti perkhidmatan penyewaan kelengkapan pembinaan

atau perobohan dengan pengendali, kerja pembersihan luar bangunan, dll.)

- f. Perkhidmatan Insurans dan Pencen** Meliputi perkhidmatan menyediakan insurans hayat, insurans bukan-hayat, insurans semula, insurans tambang muatan, pencen dan perkhidmatan tambahan kepada insurans.
- g. Perkhidmatan Kewangan** Meliputi caj eksplisit dan implisit bagi perkhidmatan perantaraan kewangan dan sokongan (kecuali pengusaha dana pencen dan insurans) yang dijalankan antara residen dan bukan-residen. Caj perkhidmatan eksplisit adalah termasuklah perkhidmatan deposit dan pinjaman (cth. yuran permohonan dan komitmen, bayaran jaminan, yuran pembayaran balik awal atau denda bayaran lewat, dan caj akaun). Ini termasuklah komisen dan bayaran lain berkaitan dengan surat kredit, penerimaan bank, pinjaman kredit, pajakan kewangan, urusniaga pertukaran asing, komisen dan bayaran lain berkaitan dengan urusniaga sekuriti, komisen peniaga pasaran hadapan komoditi, perkhidmatan berkaitan pengurusan aset, perkhidmatan operasi dan pengawal seliaan pasaran kewangan, perkhidmatan jagaan sekuriti tidak berkepentingan tetapi tidak termasuk faedah. Caj implisit diukur melalui FISIM yang menggunakan konsep kadar rujukan untuk mewakili elemen perkhidmatan diantara kadar faedah sebenar dan rujukan bagi pinjaman dan deposit.
- h. Caj Penggunaan Harta Intelek t.t.t.l.** Caj bagi penggunaan harta intelek termasuklah:
- Caj bagi penggunaan hak intelek, seperti paten, cap dagang, hak cipta, rekacipta dan proses industri, rahsia perdagangan, dan francais, dimana hak wujud daripada penyelidikan dan pembangunan, serta daripada pemasaran; dan
 - Caj ke atas lesen untuk mengeluarkan semula dan/atau mengedarkan harta intelek yang terkandung dalam ciptaan asal atau prototaip, seperti hak cipta ke atas buku dan manuskrip, perisian komputer, sinematografi dan rakaman bunyi, dan hak yang berkaitan seperti rakaman persembahan secara langsung untuk siaran televisyen, kabel atau satelit.
- i. Perkhidmatan Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat** Perkhidmatan telekomunikasi merangkumi transmisi siaran bunyi, imej, data, atau maklumat lain melalui telefon, telex, telegram, radio dan televisyen satelit, mel elektronik dan faksimili termasuklah perkhidmatan rangkaian perniagaan, telesidang dan perkhidmatan sokongan.
- Perkhidmatan komputer termasuklah perkhidmatan berkaitan perisian dan perkakasan dan perkhidmatan pemprosesan data. Ini termasuklah jualan perisian khas dan bukan khas, pemasangan dan perkhidmatan perundingan.
- Perkhidmatan maklumat termasuk perkhidmatan agensi berita, perkhidmatan pangkalan data (konsep pangkalan data, penyimpanan dan penyebaran), dan langganan langsung bukan-pukul akhbar dan majalah, sama ada melalui pos, penghantaran elektronik atau cara lain
- Perkhidmatan perniagaan lain termasuklah perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan profesional dan pengurusan perundingan, teknikal, perkhidmatan perdagangan dan perniagaan lain.

j. Perkhidmatan Perniagaan Lain Perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan meliputi perkhidmatan berkaitan dengan penyelidikan asas, penyelidikangunaan, dan eksperimen pembangunan produk dan proses baru. Ini termasuklah jualan terus hasil daripada kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan, seperti; paten, hak cipta, maklumat atau proses industri.

Perkhidmatan profesional dan pengurusan perundingan merangkumi perkhidmatan bantuan nasihat, bimbingan dan operasi yang disediakan kepada perniagaan untuk polisi dan strategi serta perancangan keseluruhan perniagaan, penstrukturan dan kawalan kepada organisasi. Ini termasuk perkhidmatan undang-undang, perakaunan, perundingan pengurusan, perkhidmatan pengurusan, perkhidmatan perhubungan awam, pengiklanan, penyelidikan pasaran dan perkhidmatan pengumpulan pendapat awam.

Teknikal, perkhidmatan berkaitan perdagangan dan perniagaan lain terdiri daripada perkhidmatan berkaitan arkitek, kejuruteraan, lain-lain teknikal, rawatan sisa dan *de-pollution*, pertanian, perlombongan, pajakan operasi, perkhidmatan berkaitan perdagangan dan perniagaan lain.

k. Perkhidmatan Persendirian, Kebudayaan dan Rekreasi Merujuk kepada perkhidmatan berkaitan audio-visual dan perkhidmatan berkaitan dengannya; dan perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi lain. Ini termasuk bayaran bagi akses siaran televisyen sulit, sewaan audio-visual dan produk berkaitan, bayaran kepada pelakon, pengarah dan pengeluar, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, sukan, rekreasi dan hiburan.

l. Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan t.t.t.l. Ini adalah transaksi oleh sektor awam dengan bukan residen yang tidak direkodkan di tempat lain dalam komponen BOP. Transaksi ini termasuk perbelanjaan (barangan dan perkhidmatan) oleh perwakilan diplomat dan tentera Malaysia di luar negeri dan perwakilan diplomat dan tentera asing di Malaysia.

Eksport meliputi perbelanjaan modal dan operasi misi diplomatik asing, misi perdagangan dan organisasi antarabangsa di Malaysia. Import meliputi perbelanjaan modal dan operasi kedutaan Malaysia, suruhanjaya tinggi, misi perdagangan dan jabatan pelajar luar negeri.

iii. Pendapatan Primer Pendapatan primer meliputi dua jenis transaksi iaitu pampasan pekerja dan pendapatan pelaburan di antara residen dan bukan residen. Pampasan pekerja merujuk kepada upah, gaji dan faedah lain (dalam bentuk tunai atau barangan) yang diterima oleh pekerja residen yang bekerja di luar negeri atau yang dibayar kepada pekerja bukan residen yang bekerja di Malaysia.

Pendapatan pelaburan melibatkan terimaan pendapatan dan pembayaran ke atas aset dan liabiliti kewangan asing.

BPM6 telah menggariskan kategori pendapatan pelaburan sebagai pendapatan pelaburan langsung, pendapatan pelaburan portfolio dan pendapatan pelaburan lain.

Pendapatan Pelaburan Langsung terdiri daripada:

- dividen, iaitu agihan keuntungan atas pemilikan ekuiti enterpris pelaburan langsung;
- remit keuntungan cawangan;
- perolehan dilabur semula, iaitu merujuk kepada perolehan saham langsung pelabur ke atas DIE yang tidak diagihkan. Keuntungan/kerugian saham langsung pelabur yang tidak diagihkan adalah dilihat sebagai penyediaan modal tambahan kepada enterpris; dan
- faedah atas pinjaman dan sekuriti hutang dikalangan syarikat yang berkaitan.

Pendapatan pelaburan portfolio merupakan transaksi pendapatan di antara residen dan bukan residen ekoran daripada pemilikan saham, bon, nota, dan instrumen pasaran wang.

Pendapatan pelaburan lain merangkumi:

- pendapatan sektor awam iaitu Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, badan berkanun, Bank Negara Malaysia dan Agensi kerajaan, yang diterima daripada atau dibayar kepada kerajaan asing, bank pusat atau organisasi antarabangsa; dan
- pendapatan sektor swasta seperti faedah daripada pinjaman, deposit dan dll.

iv. Pendapatan Sekunder Pendapatan sekunder meliputi transaksi ekonomi yang tidak berbalas. Ia merekodkan entri pengimbang yang diperlukan dalam sistem catatan beregu dalam BOP, iaitu apabila sumber (barangan, perkhidmatan dan aset kewangan) dibekalkan tanpa menerima balasan yang mempunyai nilai ekonomi.

Pendapatan sekunder adalah diklasifikasikan kepada dua kategori standard utama: kerajaan dan sektor lain yang meliputi pindahan peribadi dan pindahan semasa lain secara tunai (cth. pencen, denda, cukai, hadiah yang dimenangi dari loteri) atau bentuk barangan (cth. hadiah makanan, bekalan perubatan, pakaian).

Jika bukan residen membekalkan sumber kepada residen, item pengimbang kredit diperlukan dan jika sebaliknya, item pengimbang debit diperlukan.

Oleh kerana pindahan berperanan sebagai item pengimbang kepada sumber atau item kewangan yang dibekalkan tanpa balasan, maka nilainya haruslah bersamaan dengan nilai sebenar sumber atau item kewangan yang dibekalkan itu. Pada prinsipnya, pindahan dicatatkan pada ketika sumber yang diimbangnya bertukar milik.

5. Akaun Modal

Akaun modal terdiri daripada dua komponen iaitu perolehan/pelupusan kasar aset bukan kewangan bukan pengeluaran dan pindahan modal.

i. **Perolehan/Pelupusan Kasar Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran** Ia terdiri daripada urusan sumber asli (cth. tanah), kontrak, lesen dan pajakan dan aset pemasaran dan muhibah (terdiri daripada jenama, cap dagangan, logo dan nama domain). Item-item tersebut juga dimasukkan dalam perolehan/pelupusan tanah oleh kedutaan asing.

ii. **Pindahan Modal** Pindahan modal adalah entri pengimbang kepada transaksi modal sehalu. Ia termasuk hutang luput, tuntutan insuran bukan hayat, geran pelaburan, jaminan *one-off* dan andaian hutang lain, cukai dan pindahan modal lain.

6. Akaun Kewangan

Akaun kewangan mengukur aset dan liabiliti bersih Malaysia kepada negara lain di dunia. Ia diklasifikasikan mengikut kategori fungsi iaitu pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan, aset rizab dan pelaburan lain. Akaun kewangan mencerminkan bagaimana lebihan dalam akaun semasa digunakan atau bagaimana defisit dibiayai. Oleh itu, lebihan mungkin dicerminkan oleh pelaburan luar negeri atau pemberian pinjaman ke luar negeri atau pengumpulan aset rizab.

Aset kewangan asing dan liabiliti tanggungan adalah tuntutan oleh residen kepada satu ekonomi terhadap residen ekonomi lain. Kewujudan tuntutan tersebut, walau bagaimanapun, secara umumnya akan direkodkan di dua lembaran imbangan, iaitu lembaran imbangan penghantar dimana tuntutan terhadapnya diadakan sebagai liabiliti, dan lembaran imbangan kepada pemegang tuntutan yang akan merekodkan urusan sebagai aset.

i. **Pelaburan Langsung** Pelaburan langsung ialah kategori pelaburan antarabangsa yang mencerminkan objektif entiti residen dalam sesebuah ekonomi memperoleh hak kepentingan jangka panjang di dalam enterpris residen ekonomi lain. Hak kepentingan jangka panjang merujuk kepada wujudnya hubungan jangka panjang di antara pelabur langsung dengan enterpris pelaburan langsung dan mempunyai kuasa dalam pengurusan enterpris tersebut. Pegangan sekurang-kurangnya 10 peratus dalam enterpris ialah sebagai bukti wujudnya hubungan tersebut. Pelaburan langsung meliputi semua transaksi di antara pelabur langsung dengan enterpris pelaburan langsung dalam Hubungan Pelaburan Langsung Asing (FDIR). Instrumen kewangan yang diliputi di bawah pelaburan langsung termasuklah ekuiti, perolehan dilabur semula dan instrumen hutang (seperti pinjaman dan pendahuluan antara syarikat, kredit perdagangan).

Berdasarkan asas aset dan liabiliti, aset merujuk kepada semua pelaburan di luar negeri bagi kedua-dua pelabur langsung dan enterpris pelaburan langsung di Malaysia, sementara liabiliti merujuk kepada semua pelaburan di Malaysia bagi kedua-dua pelabur langsung dan enterpris pelaburan langsung di luar negeri.

Berdasarkan asas prinsip arah aliran, DIA diperolehi daripada perbezaan antara aset pelabur langsung Malaysia dengan liabilitinya, sementara FDI diperolehi daripada perbezaan antara liabiliti enterpris pelaburan langsung Malaysia dengan asetnya.

ii. **Pelaburan Portfolio** Pelaburan portfolio melibatkan urusan antarabangsa dalam sekuriti ekuiti

- (cth. saham) dan sekuriti hutang (cth. bon dan nota, sukuk dan instrumen pasaran wang), selain daripadanya termasuk dalam pelaburan langsung dan aset rizab.
- iii. Derivatif Kewangan** Instrumen kewangan yang dihubungkan dengan instrumen kewangan lain atau petunjuk atau komoditi, dan mempunyai risiko kewangan tertentu (seperti risiko kadar faedah, risiko mata wang, risiko harga ekuiti dan komoditi, risiko kredit dll.) yang boleh diniagakan secara berasingan di pasaran kewangan. Contoh derivatif kewangan ialah opsiyen (termasuk waran), niaga hadapan, kontrak hadapan dan *swap*.
- iv. Pelaburan Lain** Merujuk kepada pelaburan selain daripada pelaburan langsung dan pelaburan portfolio yang terdiri daripada mata wang & deposit, pinjaman yang dikaitkan dengan pajakan kewangan, kredit perdagangan dan pendahuluan tanpa mengira tempoh pembayaran balik, dan akaun lain yang belum terima/bayar. Urusniaga pelaburan lain berlaku di antara residen dan pihak yang tidak berkaitan dengan bukan-residen. Sebarang urusniaga di bawah pelaburan langsung adalah dikecualikan.
- v. Ekuiti dan Dana Pelaburan Saham** Terdiri daripada semua saham dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, serta sumbangan lain (barangan, perkhidmatan dan sumber lain). Kesemua saham yang dikeluarkan termasuklah saham biasa, saham premium dan saham keutamaan yang mempunyai hak mengundi.
- vi. Perolehan Dilabur Semula** Pendapatan mengikut peratusan pemilikan ekuiti yang dipegang oleh pelabur langsung yang tidak diagihkan sebagai dividen tetapi sebaliknya dilaburkan semula ke dalam enterpris tersebut.
- vii. Sekuriti Hutang** Sekuriti hutang termasuk bon, debentur, nota kewangan, nota janji hutang dan lain-lain sekuriti bukan-ekuiti yang boleh diniagakan, dan biasanya diniagakan (didagangkan) dalam pasaran kewangan yang teratur.
- viii. Matawang dan Deposit** Matawang terdiri daripada nota dan syiling yang mempunyai nilai tetap nominal dan dikeluarkan atau disahkan oleh bank-bank pusat atau kerajaan. Deposit merujuk kepada semua jenis deposit di bank seperti akaun simpanan, akaun semasa, akaun tetap dan deposit masa lain.
- ix. Pinjaman** Termasuk semua pinjaman dan pendahuluan (kecuali akaun belum terima/bayar). Ia juga meliputi pajakan kewangan dan perjanjian pembelian semula.
- x. Kredit Perdagangan dan Pendahuluan** Merujuk kepada kemudahan kredit yang diberikan oleh pengeksport kepada pengimport bagi barangan dan perkhidmatan (tidak termasuk *Letter of Credit*). Kemudahan kredit ini biasanya mempunyai tempoh matang kurang daripada tiga bulan.
- Pendahuluan merujuk kepada pendahuluan bagi kerja yang sedang dilaksanakan (atau yang akan dilaksanakan) di mana pelanggan belum membuat bayaran pendahuluan bagi barangan dan perkhidmatan tersebut.
- xi. Lain-lain Akaun Belum Terima/Bayar** Termasuk semua akaun lain yang belum terima/bayar selain daripadanya termasuk dalam kredit perdagangan dan pendahuluan atau instrumen lain

yang terakru tetapi belum dibayar.

7. Aset Rizab

Aset rizab merujuk kepada tuntutan BNM terhadap bukan residen bagi memenuhi keperluan BOP. Berdasarkan kepada manual BPM6, perubahan dalam harga pasaran dan kadar pertukaran wang asing bagi aset rizab perlu dikeluarkan daripada penyusunan BOP. Oleh itu, bagi memenuhi praktik antarabangsa dan menambahbaik perekodan aset rizab dalam penyusunan, keuntungan atau kerugian dikeluarkan daripada data *flow* mulai penerbitan suku pertama 2018.

Aset rizab ini terdiri daripada pegangan BNM terhadap SDR, Kedudukan dana rizab Malaysia, emas & tukaran asing dan sumber IMF.

SDR – SDR ialah aset yang diwujudkan oleh IMF untuk memenuhi keperluan global apabila ia diperlukan. Ia diwujudkan sebagai tambahan kepada aset rizab yang sedia ada.

Kedudukan Rizab IMF – Kedudukan rizab Malaysia di IMF dirujuk dalam terma SDR, yang mencerminkan urusan dengan IMF dalam suatu tempoh. IMF akan membenarkan Malaysia untuk membeli SDR atau matawang negara lain sebagai pertukaran kepada Ringgit. Pembelian (atau pengeluaran) matawang negara lain daripada IMF menyebabkan kedudukan rizab Malaysia di IMF akan berkurangan sebaliknya penjualan semula (pembayaran balik) akan menyebabkan kesan sebaliknya.

Emas & Tukaran Asing – Pegangan emas merujuk kepada emas monetari yang dipegang oleh BNM. Rizab pertukaran asing yang dipegang biasanya dalam bentuk mata wang utama digunakan untuk tujuan bayaran perdagangan. Rizab ini juga diperlukan dalam memenuhi keperluan permintaan matawang asing, daripada residen dan bukan residen, yang bukan hanya untuk pembayaran perdagangan tetapi juga untuk pembayaran perkhidmatan, pelaburan dan pembayaran lain.

Sumber IMF – IMF mengekalkan sumber kewangan yang besar bagi membiayai ketidakseimbangan sementara Imbangan Pembayaran atau kedudukan rizab negara ahlinya. Sumber ini bersifat pusingan dan ia diwujudkan daripada matawang negara ahli sebagai kuota langganan. IMF boleh menambahkan sumber tersebut melalui pinjaman.

8. Kesilapan dan Ketinggalan Bersih

Kesilapan dan ketinggalan bersih berlaku disebabkan terkurang atau terlebih anggaran pada setiap item dalam BOP. Perbezaan terjadi berikutan penggunaan pelbagai sumber data dalam penyusunan, perbezaan masa perekodan dan faktor penilaian harga (keuntungan atau kerugian atas tukaran wang asing).

C. SUMBER DATA

Penyusunan Anggaran Imbangan Pembayaran menggunakan sumber data berikut:

(I) Sumber Primer:

- Survei Kedudukan Pelaburan Antarabangsa – usaha sama antara BNM

dan Jabatan Perangkaan Malaysia;

- Survei Perkhidmatan Antarabangsa yang dijalankan oleh Jabatan; dan
- Survei Perbelanjaan Residen Malaysia di Bandar Sempadan yang dijalankan oleh Jabatan.

(II) Sumber Sekunder:

- Perangkaan pelancongan yang disusun oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia berdasarkan Penyiasatan Pemergian Pelawat dengan data tambahan daripada Jabatan Imigresen;
- Sistem Transaksi Maklumat Antarabangsa (ITIS) BNM; dan
- Rekod pentadbiran sektor awam dan swasta - sektor awam merujuk kepada rekod pentadbiran oleh lain-lain agensi kerajaan, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, dsbnya.

D. AMALAN DATA AWALAN DAN SEMAKAN

Amalan yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi keluaran data awalan dan data disemak ialah:

- Data awalan dikeluarkan selepas tujuh minggu selepas suku tahun rujukan;
- Data disemak bagi tahun sebelumnya akan diterbitkan pada suku pertama tahun semasa; dan
- Data akhir akan diterbitkan setahun selepas data disemak diterbitkan.

Semakan adalah disebabkan oleh pelaporan dan maklumat terkini oleh pembekal data.

E. PEMBUNDARAN

Sebarang perbezaan pada data yang dilaporkan adalah disebabkan oleh pembundaran.

F. SINGKATAN

b	bilion
BOP	Imbangan Pembayaran
cth	contoh
dll	dan lain-lain
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
RM	Ringgit Malaysia
ST	Suku Tahun
t.t.t.l	tidak tercatat di tempat lain
f	muktamad
p	permulaan
r	disemak

A. INTRODUCTION

Malaysia's Balance of Payments statistics measure the international economic transactions between Malaysia and the rest of the world in terms of magnitude and types of transactions in current, capital, and financial accounts. The compilation is in accordance with the methodology set forth in the Sixth Edition of the Balance of Payments and International Investment Position Manual (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF).

B. CONCEPT AND COVERAGE

1. Resident

A resident is:

- a person who has stayed or lived in Malaysia for at least one year; and*
- a company or institution located/operating in Malaysia where its centre of predominant economic interest is in Malaysia.*

Centre of predominant economic interest of an institutional unit in an economic territory existed where some location, dwelling, place of production or other premises on which or from which the unit engages and intends to continue engaging, either indefinitely or over a finite but long period of time, in economic activities and transactions on a significant scale.

A non-resident refers to a person, company or institution that lives in, or is located/ operating in a country outside Malaysia.

Residency status of foreign official representatives, international organizations, foreign students and medical patients, are as follows:

- foreign official representatives (embassies, consulates, military bases, foreign general government) in Malaysia are considered as extra-territorial and, therefore are treated as non-residents;*
